



ETIKA

JABATAN PERTANIAN



MS ISO 37001:2016
Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR)

Unit Integriti Jabatan Pertanian

Perutusan

KETUA PENGARAH PERTANIAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera


Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya buku **Etika Jabatan Pertanian** telah dapat diterbitkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada Unit Integriti kerana telah dapat menghasilkan buku sebagai panduan kepada warga Jabatan Pertanian dalam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan berintegriti.

Perkhidmatan pengembangan dan regulatori pertanian melalui penyampaian khidmat nasihat teknikal yang berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian merupakan kunci kepada peningkatan pengeluaran dan keselamatan sektor pertanian negara.

Dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut, Jabatan Pertanian **beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah selaras dengan Dasar Antirasuah Jabatan Pertanian** dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Penerapan nilai-nilai murni dan keupayaan warga Jabatan untuk mengelakkan diri daripada sebarang bentuk penyelewengan dan **mengutamakan kepentingan awam (apabila berlaku konflik)** demi menjaga maruah diri, jabatan dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya merupakan etika yang perlu diamalkan. Isu-isu seperti pelanggaran tatakelakuan dan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009)** di kalangan warga Jabatan perlu dicegah agar tidak menular dan menjadi barah di dalam Jabatan Pertanian.

Warga Jabatan Pertanian yang **beretika dan berintegriti** dapat memastikan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar dapat dilaksanakan dengan jayanya dan sekali gus dapat menaikkan imej Jabatan Pertanian.



Dato' Zahimi bin Hassen
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia

26 Mei 2022





“ Kepentingan untuk membudayakan integriti di tahap tertinggi perlu sentiasa menjadi keutamaan. Warga Jabatan Pertanian perlu sentiasa bersikap jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing, bersifat telus dan tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada peraturan dan undang-undang. ”

*Ucapan YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Pertanian, Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian Bilangan 1 Tahun 2022,
8 Mac 2022*

Bicara

KETUA UNIT INTEGRITI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera


Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku ETIKA Jabatan Pertanian dapat dihasilkan. Penerbitan buku ini merupakan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Unit Integriti bagi memastikan warga Jabatan Pertanian menerapkan etika dan nilai-nilai murni dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar.

Tadbir urus yang baik dalam organisasi dapat direalisasikan sekiranya setiap warga mempunyai etika dan nilai-nilai murni yang tinggi. Pemantapan etika merupakan benteng bagi menghalang mana-mana warga Jabatan daripada terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Kewujudan buku ETIKA Jabatan Pertanian diharapkan dapat dijadikan panduan bagi membentuk warga Jabatan yang mempunyai akhlak yang baik dan menghayati nilai-nilai murni supaya warga Jabatan dapat berkhidmat dengan cemerlang.

Saya percaya dengan adanya buku ini, maka semua pihak yang terlibat dengan Jabatan Pertanian akan dapat memahami dengan jelas bahawa Jabatan Pertanian amat menerapkan amalan tadbir urus yang efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Sekian, terima kasih.


MAZNAH BINTI CHE MUDA
Ketua Unit Integriti

MAZNAH

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Perutusan Ketua Pengarah Pertanian	i
Bicara Ketua Unit Integriti	iii

BAB 1 PENGENALAN

Pendahuluan	1
Objektif Etika Jabatan Pertanian	2
Konteks Organisasi	
■ Visi Jabatan Pertanian	2
■ Misi Jabatan Pertanian	2
■ Perkhidmatan Teras Jabatan Pertanian	2
■ Objektif Jabatan Pertanian	3
■ Dasar Antirasuah Jabatan Pertanian	4

BAB 2 PRINSIP KENEGARAAN

Menghayati Prinsip Rukun Negara	7
Taat Setia Kepada YDP Agong dan Negara	7
Semangat Patriotisme Yang Tinggi	8
Berkecuali	8
Bersifat Adil dan Kesaksamaan (<i>Impartiality</i>)	8

BAB 3 PRINSIP ETIKA KERJA

Etika Kerja	
■ Berintegriti	11
■ Akauntabiliti	11
■ Telus	11
■ Mematuhi dan Mendaulatkan Undang-Undang	11
■ Mengamalkan Budaya Kerja Yang Mulia dan Sempurna	12
■ Mengamalkan Ciri-Ciri Profesionalisme	12
■ Menjaga Kerahsiaan	12

BAB 4 PRINSIP NILAI-NILAI MURNI

Kebijaksanaan	15
Keberanian	16
Pemeliharaan Diri	17
Keadilan	18

PERKARA	MUKA SURAT
LAMPIRAN	
Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	21
Ikrar Perkhidmatan Awam	22
Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam	23
Ikrar Bebas Rasuah (IBR)	24
Perakuan Berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]	25
Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (<i>Conflict of Interest</i>)	26
Akuan Pematuhan Bagi Kakitangan Terlibat Keterhutangan Serius	27
Galakan Melapor Pemberian atau Penerimaan Rasuah	28
SALURAN ADUAN INTEGRITI	37
RUJUKAN	39





BAB 1

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

ETIKA JABATAN PERTANIAN merupakan satu panduan kepada warga Jabatan Pertanian yang dibangunkan selaras dengan ETIKA PERKHIDMATAN AWAM. Etika ini menggariskan prinsip kenegaraan, etika kerja dan nilai-nilai murni yang perlu dihayati dan dibudayakan oleh warga Jabatan Pertanian dalam melaksanakan tugas dan menyampaikan perkhidmatan kepada golongan sasar.

Etika Jabatan Pertanian dibangunkan bertujuan untuk memastikan integriti warga Jabatan Pertanian dalam penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan dapat ditingkatkan melalui pembudayaan etika kerja dan nilai-nilai murni.

Di dalam konteks kenegaraan, prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara merupakan kunci keharmonian kaum dan kestabilan negara. Peraturan 4 di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 jelas menyatakan bahawa ‘Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setia kepada Yang Di Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan’.

Etika kerja menggariskan tujuh (7) prinsip iaitu berintegriti, akauntabiliti, telus, mematuhi dan mendaulatkan undang-undang, mengamalkan budaya kerja yang mulia dan sempurna, mengamalkan ciri-ciri profesionalisme dan menjaga kerahsiaan.

Nilai-nilai murni pula menggariskan empat (4) nilai teras (*cardinal virtues*) iaitu kebijaksanaan, keberanian, pemeliharaan diri dan keadilan serta 29 nilai kembangan yang perlu dibudayakan oleh warga Jabatan Pertanian.

Dengan wujudnya Etika Jabatan Pertanian ini, semua warga Jabatan Pertanian boleh memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan melalui pembinaan sahsiah diri secara berterusan bagi memastikan Jabatan Pertanian terus cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar dan pihak-pihak berkepentingan.

OBJEKTIF ETIKA JABATAN PERTANIAN

- i. Memastikan integriti warga Jabatan Pertanian dapat ditingkatkan melalui pembudayaan etika.
- ii. Memastikan penyampaian perkhidmatan yang efektif bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan Jabatan Pertanian.

KONTEKS ORGANISASI

VISI JABATAN PERTANIAN

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

MISI JABATAN PERTANIAN

Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

PERKHIDMATAN TERAS JABATAN PERTANIAN

- i. Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan; dan
- ii. Perkhidmatan regulatori dan menguatkuasa akta-akta yang menjaga keselamatan dan kualiti makanan serta melindungi Industri Pertanian Negara dari ancaman perosak dan penyakit dari luar serta memudahkan perdagangan antarabangsa.

OBJEKTIF JABATAN PERTANIAN

- i. Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan;
- ii. Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara;
- iii. Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian;
- iv. Melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan;
- v. Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang berkualiti dan selamat serta memelihara alam sekitar; dan
- vi. Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada dibawa keluar negara dan terancam pupus.

DASAR ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) selaras dengan pelaksanaan ISO 37001 dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Justeru itu, Jabatan Pertanian komited untuk:

- a) Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga Jabatan Pertanian dan pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- b) Mematuhi peruntukan undang-undang, akta atau peraturan berkaitan dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di kalangan warga Jabatan Pertanian;
- c) Memenuhi hala tuju dan aspirasi negara yang dikenali dengan integriti bukannya kerana rasuah serta ke arah memartabatkan visi, misi dan Pelan Strategik Jabatan Pertanian;
- d) Mewujudkan, melaksanakan, mengamalkan dan menambahbaik Polisi Antirasuah, Kod Etika Jabatan Pertanian dan Pelan Mencapai Objektif Antirasuah Jabatan Pertanian sebagai rangka kerja untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah yang efektif;
- e) Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan tindakbalas ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam ISO 37001;
- f) Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat kepada warga Jabatan Pertanian dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah yang berlaku atau kelakuan tidak wajar melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian;
- g) Menambahbaik keperluan-keperluan di bawah SPAR dari semasa ke semasa;
- h) Mewujudkan dan memperkasakan Unit Integriti Jabatan Pertanian yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan SPAR; dan
- i) Mengenakan tindakan punitif, tatatertib dan tindakan undang-undang ke atas warga Jabatan Pertanian yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah, Kod Etika Jabatan Pertanian atau melanggar mana-mana undang-undang, akta, peraturan atau arahan yang berkuatkuasa.





BAB **2**

PRINSIP **KENEGARAAN**

MENGHAYATI PRINSIP RUKUN NEGARA

Warga Jabatan Pertanian perlu menghayati prinsip Rukun Negara secara mendalam ke arah pembentukan nilai dan etika.

RUKUN NEGARA

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

TAAT SETIA KEPADA YDP AGONG DAN NEGARA

Warga Jabatan Pertanian perlu mematuhi dasar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa mengikut undang-undang.

Peraturan 4.(1): Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setianya yang tak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan.

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI

Warga Jabatan Pertanian perlu mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan sentiasa mempunyai ketahanan diri, berani, bersemangat wira, rela berkorban dan dapat menyumbang kepada kepentingan bangsa dan negara. Warga Jabatan pada setiap masa boleh diarahkan untuk menggalas sebarang tugas mengorbankan masa, jiwa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan.

BERKECUALI

Berkecuali (*neutrality*) iaitu tanpa menyebelahi mana-mana pihak bagi memastikan peraturan atau perundangan dipatuhi. Sikap berkecuali warga Jabatan perlu diterjemahkan ketika membuat keputusan dalam segala urusan perkhidmatan seperti merangka dasar-dasar semasa kerajaan dan permohonan kelulusan.

BERSIFAT ADIL DAN KESAKSAMAAN (IMPARTIALITY)

Berupaya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam dengan adil dan saksama tanpa menyebelahi mana-mana pihak seperti parti politik, termasuk parti politik yang memerintah, ahli keluarga, kenegerian dan lain-lain.







BAB 3


PRINSIP ETIKA KERJA

ETIKA KERJA

Warga Jabatan Pertanian hendaklah pada setiap masa melaksanakan etika kerja yang mengutamakan pencapaian melebihi kebiasaan berlandaskan prinsip yang berikut:

Bil	Prinsip Etika	Penerangan
1	Berintegriti	<p>Mengutamakan sikap berintegriti dalam menjalankan amanah dan kuasa yang diberikan dan tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri. Memberikan keutamaan kepada kepentingan awam apabila berlaku konflik.</p> <p>Hayati Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam.</p>
2	Akauntabiliti	<p>Sentiasa bertanggungjawab terhadap apa sahaja keputusan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa, sebarang tindakan atau perbuatan yang dilakukan dan bersedia memberi penjelasan berhubung kewajaran tindakan tersebut diambil.</p>
3	Telus	<p>Nilai ketelusan sentiasa dijunjung dalam melaksanakan tugas tanpa berselindung atau menimbulkan kesangsian. Keputusan yang dibuat perlu bebas, melalui proses yang jelas dan nyata tanpa sebarang pengaruh peribadi. Setiap keputusan dan tindakan perlu dimaklumkan selagi tiada percanggahan dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.</p> <p>Jika terlibat dengan sebarang percanggahan kepentingan, warga Jabatan Pertanian perlu menandatangani Borang Pengisyiharan Percanggahan Kepentingan (Conflict of Interest): TA.BPPK01</p>
4	Mematuhi dan Mendaulatkan Undang-Undang	<p>Mengambil berat akan peraturan yang sedang berkuatkuasa dan perlu mematuhi undang-undang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta menguatkuasakan peraturan tanpa gentar atau berpihak kepada mana-mana pihak. Kejahilan kepada undang-undang tidak boleh dijadikan alasan di dalam ketidakpatuhan.</p>

Bil	Prinsip Etika	Penerangan
5	Mengamalkan Budaya Kerja Yang Mulia Dan Sempurna	Mengamalkan pembelajaran berterusan (<i>lifelong learning</i>) dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan yang ada dan memberi nilai tambah kepada hasil kerja menerusi amalan kerja yang mulia untuk menghasilkan mutu kerja yang sempurna.
6	Mengamalkan Ciri-Ciri Profesionalisme	Melengkapkan diri dengan kompetensi yang dikehendaki dalam meningkatkan kreativiti, inovasi dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Antara ciri-ciri profesionalisme yang perlu diberi penekanan ialah kecerdasan intelektual, komunikasi berkesan, kematangan emosi, kekuatan spritual dan kecergasan fizikal.
7	Menjaga Kerahsiaan	Berusaha untuk sentiasa memastikan segala data dan maklumat terperingkat tidak dikongsi, disebar atau diakses tanpa kebenaran. Warga Jabatan Pertanian perlu menandatangani borang Perakuan Berkaitan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [AKTA 88]





BAB **4**

**PRINSIP
NILAI-NILAI MURNI**

NILAI-NILAI MURNI

Warga Jabatan Pertanian hendaklah pada setiap masa membudayakan nilai-nilai murni yang mencerminkan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam agar sentiasa dipandang tinggi dengan mengamalkan empat (4) nilai teras dan 29 nilai kembangan berikut:

KEBIJAKSANAAN

Penekanan ilmu pengetahuan sangat penting kepada setiap anggota perkhidmatan awam agar dapat membezakan baik atau buruk sama ada dalam pertuturan mahupun kelakuan supaya sentiasa berhikmah dalam tindakan.

Menjaga Masa

Sentiasa bijak merancang dan mengurus masa serta menyegerakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Rasional

Berfikiran terbuka berdasarkan alasan dan bukti yang nyata, mampu membuat pertimbangan, keputusan dan tindakan dengan cepat dan tepat berlandaskan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai.

Baik Pertimbangan

Berkebolehan membuat pertimbangan yang wajar untuk menghasilkan keputusan yang bijaksana agar risiko dapat diminimumkan dan kesan negatif dapat dielakkan.

Toleransi

Sentiasa bertolak ansur dan mampu mengawal emosi bagi mengelak berlakunya perbalahan dan pertelingkahan di tempat kerja.

Berdikari

Meningkatkan kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.

Hormat

Sentiasa menjaga hubungan dengan rakan sekerja, ketua jabatan, ahli keluarga, masyarakat dan alam sekitar agar terhindar daripada perkara-perkara yang boleh menjelaskan kehidupan.

KEBERANIAN

Berani menyatakan pendirian atau pendapat yang benar secara berhemah.

Bercakap Benar

Menzahirkan kata-kata yang bernes, dengan fakta yang betul dan jitu serta bertepatan dengan prinsip-prinsip agama dan moral untuk faedah bersama.

Menegakkan Kebenaran

Yakin dan berpegang teguh kepada kebenaran serta sentiasa berkomunikasi berdasarkan fakta, bukti atau prinsip secara berhemah dan diplomasi.

Cekal

Kuat untuk menghadapi sebarang tekanan atau kesulitan semasa bertugas dan tidak mudah berputus asa dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

Saling Bermaafan

Berusaha mengetepikan ego untuk meminta maaf atau memberi maaf terlebih dahulu bahkan membala kesalahan orang dengan kebaikan.

Bermaruah

Sentiasa menjaga kehormatan diri dengan menghiasi karakter dengan budi pekerti mulia melalui tutur kata, pakaian dan pergaulan yang sopan.

Dedikasi

Sentiasa berminat dan rela mengorbankan masa dan tenaga dalam melakukan tugas yang rasmi atau tidak rasmi dengan beretika dan berintegriti.

PEMELIHARAAN DIRI

Kemampuan untuk mengekang diri daripada nafsu dan sikap buruk yang boleh menjelaskan diri, keluarga dan perkhidmatan.

Bersyukur

Sentiasa menzahirkan perasaan, ucapan dan tindak tanduk dengan ikhlas terhadap segala nikmat kurniaan Tuhan disamping sabar dan redha menerima apa jua ketentuan dan dugaan.

Cekap

Memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan, disamping memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti dan mutu kerja.

Bersih

Mempunyai ketinggian moral, tertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng serta bebas rasuah.

Amanah

Menjalankan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepercayaan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas.

Berdisiplin

Mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa walau di mana pegawai berada.

Rajin

Sentiasa bersungguh-sungguh dan berusaha dengan gigih dan penuh berdedikasi dalam melakukan sesuatu perkara.

Tekun

Sentiasa memberikan tumpuan kepada sesuatu kerja sehingga selesai dengan sempurna.

Berketrampilan

Sentiasa menunjukkan imej yang baik sebagai penjawat awam.

Prihatin

Sentiasa mengambil berat dan peka terhadap perubahan semasa dalam melaksanakan tugas.

Silaturahim

Berusaha menjalin hubungan permuafakatan atau kerjasama erat sesama rakan sekerja yang mendorong kepada memudahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.

KEADILAN

Kuasa yang ada diseimbangkan dengan nilai-nilai berikut:

Menjaga Hak

Berusaha menjaga keperluan dan memenuhi tuntutan khususnya untuk diri sendiri dan ahli keluarga termasuk Jabatan Pertanian, masyarakat sekeliling, alam sekitar dan negara.

Bekerjasama

Melaksanakan tugas dalam satu pasukan serta saling membantu antara satu sama lain untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi.

Ikhlas

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa mengharapkan sebarang balasan melalui penerimaan atau pemberian secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak.

Jujur

Mengamalkan sikap berterus-terang dan mengutamakan kebenaran serta tidak berselindung.

Empati

Memahami keadaan dan kesusahan orang lain dan berusaha membantu dengan sedaya upaya.

Penghargaan

Sentiasa mengiktiraf dan memberi ganjaran sebagai tanda terima kasih atas sumbangan dan jasa.

Kesederhanaan

Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan yang mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.





LAMPIRAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

Peraturan 4

Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setianya yang tak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan.

Seseorang pegawai tidak boleh:

- (a) Membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya;
- (b) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;
- (c) Berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:
 - (i) Dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
 - (ii) Dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri.
- (d) Berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemar nama baik perkhidmatan awam;
- (e) Kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) Tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) Tidak bertanggungjawab;
- (h) Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;
 - (i) Ingkar perintah; dan
 - (j) Cuai dalam melaksanakan tugasnya.

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Kami yang telah dilantik berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia membuat ikrar di sini bahawa semasa dan selagi kami berkhidmat dengan Kerajaan, kami akan patuh dengan mengamalkan teras-teras perkhidmatan semasa menjalankan tugas. Ke arah ini kami:

- Berazam meningkatkan mutu perkhidmatan;
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab;
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri;
- Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan;
- Bekerja ke aras memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara;
- Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara; dan
- Berpegang teguh kepada ajaran agama.

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkuatkannya integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan melalui tindakan-tindakan berikut:

- Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang peraturan dan etika jabatan;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba untuk menggugatkan integriti dan imej pegawai awam; dan
- Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

IKRAR (PERLU DITANDATANGANI)

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)



IKRAR BEBAS RASUAH JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Bahawa saya, No. Kad Pengenalan: adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar sepanjang perkhidmatan saya dengan **Jabatan Pertanian Malaysia**:

- i. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- ii. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- iii. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan **Jabatan Pertanian Malaysia**;
- iv. Saya akan memastikan kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan **Jabatan Pertanian Malaysia**; dan
- v. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Disaksikan Oleh :

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

*IBR perlu ditandatangani oleh warga Jabatan Pertanian setiap tahun dan disalinkan kepada Unit Integriti untuk tujuan rekod.

PERAKUAN (PERLU DITANDATANGANI)

PERAKUAN BERKAITAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatut sesuatu rahsia rasmi dan suratan rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan suratan rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiar, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan	:	
Nama (huruf besar)	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jawatan	:	
Jabatan	:	
Tarikh	:	
Disaksikan oleh	:	

(Tandatangan)

Nama (huruf besar)	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jawatan	:	
Jabatan	:	
Tarikh	:	
Cap Jabatan	:	

*Pembaharuan perakuan perlu dilaksanakan pada bulan Januari setiap tahun dan disalinkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan untuk tujuan rekod- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian Bil. 1 Tahun 2021 yang diadakan pada 25 Mac 2021.

Dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR), borang ini juga perlu disalinkan ke Unit Integriti untuk memantau pencapaian objektif SPAR.

PERAKUAN (PERLU DITANDATANGANI)

BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST)



TA.BPPK01

BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST)

Saya, nombor K.P dari Bahagian/Unit adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya telah dilantik/ diarahkan melaksanakan tugas sebagai bagi projek/ mesyuarat/ temuduga/ lain-lain tugas iaitu:
 - 1)
 - 2)
 - 3)tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan atau urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek/ mesyuarat/ temuduga yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan atau projek/ mesyuarat/ temuduga kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya akur dan faham bahawa jika saya disabitkan kerana melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :

Jawatan/Gred :

No. Kad Pengenalan :

Tandatangan :

Tarikh :

*Borang ini perlu **ditandatangani** oleh warga **Jabatan Pertanian** yang dilantik/ diarah melaksanakan tugas bagi projek/ mesyuarat/ temuduga/ lain-lain tugas yang memerlukan pengisytiharan seperti auditor, Pengerusi/ Ahli Jawatankuasa/ Desk Officer/ Urusetia mesyuarat yang melibatkan kelulusan atau pengesyoran kelulusan dan penemuduga.

PERAKUAN PERLU DITANDATANGANI (JIKA BERKENAAN)

AKAUN PEMATUHAN BAGI PEGAWAI TERLIBAT KETERHUTANGAN SERIUS

LAMPIRAN 1

AKUAN PEMATUHAN

Saya
(Nama Penuh Dengan Huruf Besar)

No. Kad Pengenalan

Jawatan Dan Gred Jawatan

Adalah dengan sesungguhnya mengaku telah membaca dan memahami Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993. Saya dengan ini memperakui dan mengesahkan bahawa:

1. (i) **MEMPUNYAI punca pendapatan lain yang membolehkan saya tidak mengalami masalah keterhutangan kewangan. (Sila nyatakan jenis pendapatan tersebut dan sertakan bukti salinan *dokumen yang telah disahkan).

a) Jenis / punca pendapatan yang lain:

b) Nilai pendapatan (RM) / bulan: _____

atau

- (ii) **TIDAK MEMPUNYAI punca pendapatan lain tetapi tidak menyebabkan mengalami masalah keterhutangan kewangan. (Sila kemukakan dokumen yang berkenaan telah disahkan oleh penyelia untuk menyokong kenyataan ini jika ada).

atau

- (iii) **TIDAK MEMPUNYAI punca pendapatan lain dan menyebabkan mengalami masalah kewangan.

** Sertakan salinan dokumen yang berkenaan. Contoh; Borang Permohonan Menjalankan Pekerjaan Luar.

2. Saya akan menanggung segala risiko dan akibat yang berpunca daripada masalah keterhutangan kewangan yang saya alami.
3. Keengganan dan kegagalan saya mematuhi akuan ini tanpa alasan yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

.....
(Tandatangan Pegawai)

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

.....
(Tandatangan Pengarah / Ketua Jabatan)

Nama:

Tarikh:

SALINAN UNIT INTEGRITI

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

TUJUAN

- 1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan objektif dan mekanisme pelaksanaan bagi pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah sebagai suatu penghargaan ke atas usaha memerangi jenayah rasuah.**

OBJEKTIF

- 2. Objektif pengiktirafan ini antara lain adalah seperti yang berikut:**
 - 2.1 Meningkatkan, menggalakkan serta memberi motivasi kepada penjawat awam bagi melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah;**
 - 2.2 Mewujudkan suatu skim yang khusus untuk memberikan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan kes-kes rasuah;**
 - 2.3 Mengiktiraf penjawat awam yang memperlihatkan etika dan integriti yang tinggi dalam menangani gejala rasuah serta mengikis pandangan negatif terhadap pelaporan kes rasuah; dan**

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

- 2.4 Meningkatkan imej sektor awam dan persepsi baik bahawa pegawai awam tidak berkompromi dengan perbuatan rasuah apabila ramai yang tampil membuat laporan.

LATAR BELAKANG

3. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 19 Ogos 2010, telah bersetuju agar suatu pengiktirafan diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah.
4. Inisiatif ini diperkenalkan selaras dengan usaha dan komitmen Kerajaan untuk memerangi jenayah rasuah sebagaimana yang ditetapkan dalam bidang keberhasilan utama negara (NKRA).

TAKRIF

5. “**Penjawat Awam**” - seseorang yang dilantik untuk menganggotai perkhidmatan awam yang dinyatakan dalam fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, termasuklah penjawat awam yang dilantik secara kontrak.

MEKANISME PELAKSANAAN

6. Kriteria Pengiktirafan

Bagi mempertimbangkan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah, kriteria berikut menjadi panduan:

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

- 6.1 Aduan tentang pemberian atau penerimaan rasuah dilaporkan oleh mana-mana penjawat awam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);**
- 6.2. Pemberian atau penerimaan rasuah tersebut adalah dalam bentuk nyata atau apa-apa bentuk yang layak dari segi undang-undang sebagai rasuah dan yang boleh diberi nilai;**
- 6.3 Penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah hendaklah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pegawai SPRM yang menyiasat kesalahan yang telah dilaporkan itu sehingga perbicaraan kes itu selesai, termasuklah hadir ke mahkamah untuk memberikan apa-apa keterangan dalam perbicaraan kes itu, jika perlu;**
- 6.4 Kes itu hendaklah sehingga membawa kepada sabitan oleh Mahkamah sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan boleh dibuat;**
- 6.5 Pengiktirafan adalah kepada seseorang anggota penjawat awam dan bukannya kepada kementerian, jabatan atau agensi. Mereka yang sudah bersara layak diberi pengiktirafan jika aduan dilaporkan semasa masih penjawat awam.**

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

7. **Mekanisme Penilaian Pengiktirafan**

7.1 **Panel Perakuan**

- (i) Panel ini bertanggungjawab bagi meneliti dan memperakukan pengiktirafan kepada mana-mana penjawat awam berdasarkan laporan kes dan pendakwaan terhadap pesalah rasuah.
- (ii) Panel ini akan dipengerusikan oleh Pengarah Siasatan SPRM bagi kes-kes yang melibatkan penjawat awam di peringkat kementerian, jabatan dan agensi persekutuan manakala Pengarah SPRM Negeri selaku Pengerusi Panel bagi kes-kes yang melibatkan penjawat awam jabatan dan agensi persekutuan di negeri dan penjawat awam negeri yang berkenaan.
- (iii) Anggota Panel Perakuan adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Pengarah Siasatan SPRM

Anggota : Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam;
: Wakil Biro Pengaduan Awam; dan
: Wakil Jabatan Audit Negara.

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

Anggota Panel Perakuan Peringkat Negeri

Pengerusi : Pengarah SPRM Negeri/Pengarah Siasatan (bagi Wilayah Persekutuan/Wilayah Persekutuan Labuan)

Anggota : Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/Wakil Biro Pengaduan Awam (bagi Wilayah Persekutuan/Wilayah Persekutuan Labuan); dan

: Wakil Jabatan Audit Negara peringkat negeri/Wakil Jabatan Audit Negara (bagi Wilayah Persekutuan/Wilayah Persekutuan Labuan).

- (iv) **Panel Perakuan hendaklah mengemukakan cadangan pengiktirafan calon-calon kepada Urus Setia Panel Penilaian sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Panel Penilaian bersidang.**

7.2 Panel Penilaian

- (i) **Panel ini bertanggungjawab untuk membuat penilaian terhadap syor Panel Perakuan, mempertimbangkan dan membuat keputusan mengenai pengiktirafan kepada penjawat awam.**
- (ii) **Membuat pertimbangan mengenai nilai atau bentuk ganjaran yang akan diberikan.**

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

(iii) Keanggotaan Panel Penilaian:

Pengerusi : Ketua Pesuruhjaya SPRM

Anggota : Peguam Negara atau wakil;
: Ketua Setiausaha Perbendaharaan
atau wakil;
: Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi) SPRM;
: Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam atau wakil;
: Pengarah Bahagian Perundangan
dan Pendakwaan SPRM atau wakil;
dan
: Pengarah Bahagian Sumber
Manusia dan Pentadbiran Am
SPRM.

(iv) Panel Penilaian akan bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun. Makluman tentang mesyuarat yang akan diadakan hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi Panel Perakuan 30 hari sebelum Panel Penilaian bersidang.

7.3 Sekretariat

(i) Sekretariat Panel Penilaian dan Panel Perakuan Peringkat Persekutuan - Pejabat Pentadbiran Siasatan, Bahagian Siasatan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

- (ii) **Sekretariat Panel Perakuan Peringkat Negeri - Ketua Unit Siasatan di pejabat SPRM Negeri.**

7.4 Pencalonan

Nama-nama calon untuk pengiktirafan hendaklah dikemukakan oleh Panel Perakuan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan di Ibu Pejabat SPRM sekurang-kurangnya **14 hari** selepas Panel Perakuan menerima makluman daripada Panel Penilaian di bawah perenggan 7.2. (iv) bagi tujuan semakan dan pengesahan status kes.

8. BENTUK DAN PENGURUSAN BAYARAN GANJARAN

- 8.1 Jika pemberian atau penerimaan sogokan atau rasuah yang tidak melibatkan wang seperti harta alih dan harta tak alih, maka nilai sogokan atau rasuah akan dibuat berdasarkan penentuan nilai pasaran semasa harta alih dan harta tak alih tersebut.**
- 8.2 Pelapor pemberian rasuah juga:**
- (i) Diberi sijil penghargaan; dan**
 - (ii) Dipertimbangkan untuk pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri.**
- 8.3 Dalam hal tiada rampasan wang dibuat atau tiada apa-apa yang dirampas, Panel Penilaian akan menentukan ganjaran dengan had minimum RM500.00.**

GALAKAN MELAPOR PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

8.4 Urusan pembayaran ganjaran akan diuruskan oleh Cawangan Kewangan, Akaun dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am, SPRM.

9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada:

**Pengarah Siasatan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Aras 2, Blok D6, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62007 Putrajaya.**

**(u.p: Sekretariat Panel Perakuan Pengiktirafan
Pejabat Pentadbiran Siasatan
Bahagian Siasatan SPRM)**

Tel: 03-88867000 (sambungan 7478 atau 7492)

atau melayari:

<http://www.sprm.gov.my>

“

Real integrity is doing the right thing, knowing that nobody's going to know whether you did it or not.

”

- Oprah Winfrey

**SALURAN
ADUAN INTEGRITI**

SALURAN ADUAN INTEGRITI

Orang awam atau warga Jabatan Pertanian boleh mengemukakan aduan mengenai jenayah rasuah atau salah laku kepada Unit Integriti dengan cara:

- Menghadirkan diri ke Unit Integriti Jabatan Pertanian di alamat :

Aras 14, Wisma Tani
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

- Mengemukakan surat ke alamat tersebut;
- Menggunakan saluran e-Integriti di Portal Rasmi Jabatan Pertanian;
- Mengemukakan emel ke *aduanintegriti@doa.gov.my*;
- Menghubungi talian 03-8870 3166.

“

“Six essentials qualities that are the key to success: Sincerity, personal integrity, humility, courtesy, wisdom, charity.”

”

- Dr. William Menninger

RUJUKAN

RUJUKAN

- 1.Etika Perkhidmatan Awam
- 2.Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



Unit Integriti
Jabatan Pertanian
Aras 14, Wisma Tani,
No. 30, Persiaran Perdana Putra,
Persint 4, 62424 Putrajaya

Tel: 03 8870 2484
Faks: 03 8870 3220
www.doa.gov.my